

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.5/2002

BAYARAN DEPOSIT BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH

1. Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai pengenaaan kadar baru bagi bayaran deposit permohonan milik tanah.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 19/2002 yang bersidang pada 18hb. September 2002 semasa menimbang “Kertas Cadangan Meningkatkan Hasil Negeri Melalui Kenaikan Kadar Bayaran Dan Mengenakan Bayaran Dari Punca-Punca Hasil Negeri Kelantan 2002”, telah bersetuju untuk menetapkan kadar baru bagi bayaran deposit permohonan milik tanah di seluruh tanah di seluruh Jajahan Negeri Kelantan.
3. Kadar baru deposit yang dikenakan bagi permohonan milik tanah ialah sebanyak **RM 100.00** bagi setiap ekar atau sekurang-kurang **RM 500.00** , mengikut mana yang lebih tinggi.
4. Mana-mana permohonan milik tanah yang dibatalkan melalui tindakan di bawah Seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara 1965 akibat tidak menjelaskan premium, maka wang deposit tersebut akan dirampas dan sekiranya tanah tersebut dipohon semula oleh pemohon yang sama, kadar deposit yang dikenakan adalah dua (2) kali ganda daripada kadar semasa yang dikenakan.

5. Pekeliling ini adalah mula berkuatkuasa pada 01hb. Januari 2003 sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 04hb. Disember 2002.

t.t

(Abdul Halim bin Haji Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir-Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.4485 (71)
PTG.KN.SULIT 3/65 JLD.7 Sj.1
BERTARIKH : 04HB DISEMBER 2002**